

# Jangan cepat iri hati: PM

BM 25 NOV 1984

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa kerajaan tidak serik memberi peluang kepada Bumiputera demi mengimbangkan penyertaan Bumiputera dengan bukan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Katanya, peluang itu tetap disediakan dengan syarat Bumiputera hendaklah berusaha me-

ningkatkan penyertaan mereka di bidang ekonomi keseluruhannya.

Menurut beliau, kerajaan bukan membuat janji semata-mata tetapi menyediakan banyak bantuan dan peluang pelaburan, termasuk mendapatkan pelabur-pelabur asing mengadakan usahasama dengan Bumiputera.

Bagaimanapun, beliau membidas golongan usahawan Bumiputera yang mengatakan kerajaan tidak menolong mereka

merebut peluang-peluang pelaburan.

Katanya, walaupun ada syarikat Bumiputera yang diberi kontrak besar, masih ada usahawan Bumiputera yang mengungkit kontrak besar lain yang gagal mereka perolehi.

Adalah mengecewakan apabila peluang-peluang dan bantuan yang diberikan terjejas kerana jelas mereka tidak memenuhi syarat dan ada yang meninggalkan ker-

ja separuh jalan," tegas beliau ketika merasmikan Wisma Jayanita milik Wanita Umno di Jalan Raja Muda di sini pagi ini.

Perdana Menteri berkata, golongan berke-

naan cepat iri hati kerana tidak mendapat peluang, atau mendapat peluang tetapi tidak dapat mencapai kejayaan seperti diharapkan.

"Dalam keghairahan itu Bumiputera sela-

lunya lupa menyoal diri sendiri, apakah kesalahan terletak pada diri sendiri atau orang lain.

"Bumiputera mesti mengikis perasaan iri hati terhadap Bumiputera lain yang berjaya dan sebaliknya meningkatkan kebolehan mereka merebut peluang yang disediakan," katanya.